



**SUMBANGAN:** Wan Azizah (tengah) yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak menyantuni penduduk setempat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baharu Cina Komuniti Kuala Lumpur dan Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam. — Gambar Bernama

## 1,100 penduduk Bandar Tun Razak terima sumbangan

**KUALA LUMPUR:** Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak semalam menyerahkan bantuan RM100 dan seketak lima mandarin kepada 1,100 penduduk bangsa Tionghoa terutamanya warga emas di kawasan Parlimen itu menjelang sambutan Tahun Baharu Cina, minggu depan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu di sini, Dr Wan Azizah berkata sumbangan itu bertujuan meringankan beban kos sara hidup golongan yang

amat memerlukan, terutamanya miskin bandar yang menetap di Bandar Tun Razak.

“Bandar Tun Razak memang ramai yang miskin bandar, ditambah dengan bilangan warga emas yang agak tinggi, jadi kita cuba agar jangan tinggalkan seseorang pun (daripada menerima bantuan).”

“Penduduk yang menerima sumbangan hari ini telah dikenal pasti sebagai antara yang amat memerlukan bantuan, kita nak ringankan sedikit beban (kos sara hidup) mereka sempena Tahun Baharu Cina yang akan disambut

tidak lama lagi,” katanya.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri merangkap Ketua PKR Cabang Bandar Tun Razak Datuk Azman Abidin.

Terdahulu Wan Azizah dalam ucapannya berkata Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak akan terus melaksanakan usaha membantu semua komuniti di kawasan tersebut.

“Semoga sumbangan ini dapat memberi keceriaan kepada komuniti Cina di Bandar Tun Razak khususnya,” katanya. — Bernama